



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

H100S MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Bil. 35 31hb TAM Oktober 1991^{BAH} No 9 AN

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991—
(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 21hb Oktober 1991).

The Employees' Social Security (Amendment) Act 1991—
(Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 21st October 1991).

Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) 1991—
(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 21hb Oktober 1991).

The Supplementary Supply (1990 and 1991) (No. 2) Act 1991—
(Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 21st October 1991).

Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991—
(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 21hb Oktober 1991).

The International Organization (Privileges and Immunities) Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 21st October 1991*).

Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kalipertama dalam Dewan Rakyat pada 21hb Oktober 1991*).

The Offshore Companies (Amendment) Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 21st October 1991*).

Akta Syarikat (Pindaan) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kalipertama dalam Dewan Rakyat pada 21 hb Oktober 1991*).

The Companies (Amendment) Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 21st October 1991*).

Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 22hb Oktober 1991*).

The Labuan Offshore Business Activity Tax (Amendment) Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 22nd October 1991*).

Akta Ekstradisi 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 22hb Oktober 1991*).

The Extradition Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 22nd October 1991*).

Akta Kemajuan Tanah (Pindaan) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 22hb Oktober 1991*).

The Land Development (Amendment) Act 1991—(*Presented and read a first time in The Dewan Rakyat on 22nd October 1991*).

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), (4), (5) dan (6), Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

(3) Seksyen 16(a) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada Ihb Januari 1985.

(4) Seksyen 18(a) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada Ihb Oktober 1971.

(5) Seksyen 26 (setakat ia merujuk kepada seksyen 59v dan 59w), 30(b) dan 31 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada Ihb Julai 1985.

(6) Seksyen 41 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada Ihb Julai 1987.

Pindaan
tajuk
panjang.
Akta 4.

2. Tajuk panjang Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "faedah" tertentu bagi pekerja² sa-kira-nya ilat dan mendapat bencana kerja termasuk penyakit² khidmat" dengan perkataan-perkataan "keselamatan sosial dalam kontingensi-kontingensi yang tertentu".

Pindaan
seksyen 2.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(b) jika sepenuhnya atau sebahagiannya bergantung kepada pendapatan orang berinsurans pada masa kematiannya—

- (i) anak perempuan, jika telah berkahwin tetapi belum dewasa, atau jika menjadi balu tetapi belum dewasa;
- (ii) adik lelaki atau abang yang belum dewasa, atau adik perempuan atau kakak yang belum berkahwin atau adik perempuan atau kakak yang menjadi balu jika belum dewasa;
- (iii) menantu perempuan yang menjadi balu;
- (iv) anak belum dewasa kepada anak lelaki yang mati sebelum orang berinsurans mati;
- (v) anak belum dewasa kepada anak perempuan yang mati sebelum orang berinsurans mati jika bapa anak itu sudah mati;
- (vi) ibu atau bapa selain daripada ibu yang menjadi balu; atau
- (vii) nenek atau datuk, jika ibubapa orang berinsurans sudah mati:";

(b) dengan memotong perenggan (c) subseksyen (3); dan

- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (6), subseksyen baru (6A) yang berikut:

"(6A) "Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Keselamatan Sosial yang ditubuhkan di bawah seksyen 68;"

4. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 3.

- (a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "selain daripada perusahaan-perusahaan yang menggaji kurang daripada lima orang:" dengan perkataan-perkataan "yang mempunyai seorang pekerja atau lebih."; dan

(ii) dengan memotong proviso; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan "orang" dan "seseorang" dalam subseksyen (2) masing-masingnya dengan perkataan "pekerja" dan "mana-mana pekerja".

5. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

"(2) Caruman itu hendaklah dibahagi kepada dua jenis yang berikut, iaitu:

(a) caruman jenis pertama, yang merupakan caruman yang kena dibayar oleh atau bagi pihak pekerja yang diinsuranskan terhadap kontingensi-kontingensi keilatan dan bencana kerja; dan

(b) caruman jenis kedua, yang merupakan caruman yang kena dibayar oleh atau bagi pihak pekerja yang diinsuranskan hanya terhadap kontingensi bencana kerja.";

(b) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "jenis pertama dan jenis kedua" dengan perkataan-perkataan "jenis pertama"; dan
- (ii) dengan menggantikan ,perkataan-perkataan "Bahagian 1 dan 2" dengan perkataan-perkataan "Bahagian I"; dan

(c) dengan menggantikan perkataan "ketiga" dalam subseksyen (5) dengan perkataan "kedua".

Pindaan
seksyen 9A.

6. Seksyen 9A Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "yang kena diinsurans" di mana-mana jua ia terdapat dalam seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "mendapat balik" dalam proviso, perkataan-perkataan "daripada gaji yang kena dibayar walau apa pun proviso kepada subseksyen (2) seksyen 7".

Seksyen
baru 9B.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 9A, seksyen baru 9s yang berikut:

"Pengesahan caruman yang dipungut. 9s. Apa-apa caruman yang dipungut oleh Pertubuhan bagi seseorang pekerja yang tidak didaftarkan bagi maksud-maksud insurans di bawah Akta ini bagi apa-apa tempoh sebelum 1hb Julai 1987 adalah dengan ini disahkan dan diisytiharkan sebagai telah dipungut secara sah di sisi undang-undang."

Pindaan
seksyen 12.

8. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "mana² kawasan tempatan" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "kawasan atau kawasan-kawasan".

9. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut: Pindaan seksyen 13.

"(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disampaikan sama ada sendiri atau melalui pos berdaftar."

10. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan ", ia-itu orang² tanggungan yang berhak mendapat pampasan di bawah Act ini" dalam perenggan (c). Pindaan seksyen 15.

11. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 17.

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dalam perenggan (i) dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat";
- (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "enam puluh" dalam perenggan (i) dengan perkataan-perkataan "empat puluh"; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dalam perenggan (ii) dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat"; dan

(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat".

12. Seksyen 17A Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 17A.

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat";

- (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "enam puluh" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "empat puluh"; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat"; dan

(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat".

Pemotongan
seksyen 18.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 18.

Penggantian
seksyen 19.

14. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 19 dengan yang berikut:

"Pembayaran!
pencen
ilat." 19. (1) Pencen ilat heridaklah terakru mulai dari hari orang berinsurans itu memberikan notis keilatan mengikut peraturan-peraturan dan hendaklah terhenti pada hari berikutan hari keilatannya terhenti atau pada hari pesara itu mati.

(2) Bagi maksud seksyen ini, kadar harian pencen ilat hendaklah merupakan amaun kadar bulanan pencen ilat yang dibayar atau kena dibayar kepada orang berinsurans, dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan pencen itu terakru atau keilatan itu terhenti atau pesara itu mati."

Pindaan
seksyen 20.

15. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (a) subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat"; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat"; dan
- (ii) dengan menggantikan proviso kepada perenggan (a) dengan yang berikut:

"Dengan syarat bahawa gaji bulanan purata minimum ialah tiga ratus empat puluh dua ringgit dan lapan puluh enam sen tertakluk kepada apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan."

16. Seksyen 20A Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2)— Pindaan`
seksyen 20A.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "kena dibayar kepada", perkataan-perkataan "ibu yang menjadi balu dan"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan 'subperenggan (b) dan (c) takrif "orang tanggungan" * dengan perkataan-perkataan 'perenggan (b) takrif "orang tanggungan" '.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 24 dengan yang berikut: Penggantian
seksyen 24.

"Kemalangan semasa dalam perjalanan. 24. (1) Sesuatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang orang berinsurans hendaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya jika kemalangan itu berlaku semasa orang berinsurans itu—

- (a) dalam perjalanan mengikut laluan di antara tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya;

- (b) dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiannya; atau
- (c) dalam perjalanan di antara tempat kerjanya dengan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan.

(2) Jika kemalangan di bawah subseksyen (1) berlaku dalam masa apa-apa perhentian, atau apa-apa lencongan, perjalanan orang berinsurans itu yang dibuat bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam subseksyen yang sama, kemalangan itu tidaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya."

18. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2)—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "hendak-lah di-bayar kepada", perkataan-perkataan "ibu yang menjadi balu dan"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "perenggan (b) dan (c)" dengan perkataan-perkataan "perenggan (b)".

19. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat";
 - (ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "enam puluh" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "empat puluh"; dan

- (iii) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "kematian" dalam perenggan (b), perkataan-perkataan ", dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh tersebut hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat"; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "kematian", perkataan-perkataan ", dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh tersebut hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh empat".

20. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 31 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 31.

"Liabiliti majikan dan pengkhidmatnya.

31. Seseorang orang berinsurans atau orang-orang tanggungannya tidaklah berhak menerima atau mendapat daripada majikan orang berinsurans itu, atau daripada mana-mana orang lain yang merupakan pengkhidmat majikan itu, apa-apa pampasan atau gantirugi di bawah mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa berkenaan dengan bencana kerja yang berlaku padanya sewaktu menjadi seorang pekerja di bawah Akta ini."

21. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 33, seksyen baru 33A yang berikut: Seksyen baru 33A.

"Orang berinsurans mati sebelum pemeriksaan lembaga perubatan.

33A. Jika seseorang orang berinsurans, yang telah mengemukakan notis keilatannya atau permohonannya untuk dirujuk kepada lembaga perubatan untuk menentukan soal hilang upaya mengikut peraturan-peraturan, mati sebelum diperiksa oleh lembaga perubatan, Pertubuhan boleh menurut budi bicaranya, tertakluk kepada apa-apa keterangan perubatan yang ada yang memuaskan hatinya, merujuk hal itu kepada lembaga perubatan untuk menentukan soal keilangan atau soal hilang upaya, mengikut mana-mana yang berkenaan."

- Pindaan seksyen 57. 22. Seksyen 57 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan ", jika ia di-kehendaki pergi ka-luar tempat kediaman-nya," dalam subseksyen (4).
- Pindaan seksyen 59f. 23. Teks Bahasa Malaysia Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "pekerja-pekerja" dalam perenggan (d) subseksyen (2) seksyen 59s dengan perkataan "majikan-majikan".
- Pindaan seksyen 59i. 24. Seksyen 59i Akta ibu adalah dipinda—
(a) dengan memotong nombor subseksyen "(1)";
dan
(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kumpulanwang Pencen Hat dan Kumpulanwang Bencana Kerja" dengan perkataan-perkataan "Kumpulan Wang Keselamatan Sosial".
- Pindaan seksyen 59N. 25. Seksyen 59N Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Tertakluk kepada mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini dan dalam kaedah-kaedah kakitangan, Ketua Pengarah hendaklah menyelesaikan semua soal yang berhubungan dengan perkhidmatan (selain daripada soal perlantikan, penggantungan, kenaikan pangkat dan pemecatan), gaji, keistimewaan dan elaun pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Pertubuhan:

Dengan syarat bahawa dalam hal pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang bukan dalam kategori Kumpulan "D", kuasa-kuasa itu, kecuali kuasa memberikan atau menggantung cuti, tidaklah boleh dijalankan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Lembaga".

26. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 59p, seksyen baru 59Q, 59R, 59s, 59r, 59u, 59v dan 59w yang berikut:

Seksyen baru 59Q, 59R, 59s, 59r, 59u, 59v dan 59w.

"Jawatankuasa
Tatatertib. 59q. Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang berikut:

(a) dua orang anggota yang akan dilantik oleh dan daripada kalangan anggota Lembaga (selain daripada Pengerusi Lembaga), salah seorang daripadanya hendaklah dilantik menjadi pengerusi; dan

(b) Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah, mengikut mana yang berkenaan, tidaklah boleh menjadi ahli Jawatankuasa Tatatertib dalam mana-mana presiding yang di hadapannya di mana dia adalah pengadu, dalam hal yang sedemikian tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang hendaklah dilantik oleh dan dari kalangan ahli-ahli Lembaga.

Tatatertib pegawai. 59n. (1) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan pengkhidmat Pertubuhan, selain daripada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah, hendaklah Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 59Q.

(2) Pada menjalankan fungsi, kuasa atau tugas tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman tatatertib yang diperuntukkan melalui mana-mana kaedah yang boleh dibuat di bawah seksyen 59T.

(3) Jawatankuasa Tatatertib boleh, tertakluk kepada subseksyen (4), mewakilkan mana-mana fungsi, kuasa atau tugas tatatertibnya kepada mana-mana pegawai atau pengkhidmat Pertubuhan, atau kepada mana-mana Jawatankuasa pegawai atau pengkhidmat Pertubuhan, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau pengkhidmat tertentu Pertubuhan atau berkenaan dengan mana-mana kelas atau kategori pegawai atau pengkhidmat Pertubuhan, dan pegawai atau pengkhidmat atau Jawatankuasa yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau tugas tatatertib itu hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikan fungsi, kuasa atau tugas tatatertib itu di bawah arahan dan kawalan Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, menghapuskan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan pegawai atau pengkhidmat, atau Jawatankuasa itu.

(4) Tiada perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (3) untuk membolehkan seseorang pegawai atau pengkhidmat Pertubuhan menjalankan apa-apa kuasa tatatertib atau menjadi anggota sesuatu Jawatankuasa yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas seseorang pegawai atau pengkhidmat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

(5) Mana-mana pegawai atau pengkhidmat Pertubuhan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib atau mana-mana orang atau Jawatankuasa yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau tugas tatatertib di bawah subseksyen (3) boleh, dalam masa empat belas hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang boleh memberikan apa-apa keputusan ke atasnya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penubuhan Lembaga Rayuan Tata tertib. 59s. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Rayuan Tata tertib yang keanggotaannya adalah seperti yang berikut:

- (a) Pengerusi Lembaga, sebagai Pengerusi; dan
- (b) anggota-anggota Lembaga, tidak termasuk anggota-anggota yang menganggotai Jawatankuasa Tata tertib.

(2) Keputusan Lembaga Rayuan Tata tertib adalah muktamad.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah tata tertib.

59r. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa kaedah tata tertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat bagi mengadakan peruntukan tentang tata tertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Pertubuhan,

(2) Kaedah-kaedah tata tertib yang dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen ini boleh mengandungi—

- (a) peruntukan-peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain, atau peruntukan-peruntukan bagi penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau pengkhidmat Pertubuhan sementara menanti keputusan presiding tata tertib;
- (b) peruntukan-peruntukan bagi kesalahan-kesalahan tata tertib dan hukuman-hukuman sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian itu boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat; dan
- (c) prosedur bagi presiding tata tertib dan peruntukan-peruntukan bagi peluang untuk orang yang terhadapnya presiding tata tertib itu diambil membuat representasi.

Pengenaan
surcaj.

59u. (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa mana-mana orang yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Pertubuhan—

- (a) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang dengan tak sepatutnya daripada Kumpulan Wang atau bagi apa-apa pembayaran wang itu yang tidak disokong dengan sewajarnya;
- (b) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi kemusnahan pada, apa-apa wang, setem-setem, sekuriti-sekuriti, stor-stor atau lain-lain harta Pertubuhan;
- (c) yang menjadi atau pernah menjadi pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod-rekod yang sepatutnya; atau
- (d) telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran, atau bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelengahan dalam pembayaran, akan wang daripada Kumpulan Wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran tersebut kena dibayar di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat di antara orang tersebut dan Pertubuhan,

dan jika penjelasan yang memuaskan tidak dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh yang dinyatakan oleh Lembaga, berkenaan dengan kegagalan untuk memungut, pembayaran tak sepatutnya, pembayaran yang tidak disokong dengan sewajarnya, kekurangan atau kemusnahan, atau kegagalan untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod-rekod yang sepatutnya, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelengahan dalam

membuat pembayaran, maka Lembaga boleh mengenakan surcaj terhadap orang tersebut sejumlah wang yang tidak melebihi amaun itu bagi mana-mana amaun yang tidak dipungut, mana-mana pembayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang dimusnahkan tersebut, mengikut mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan untuk menyimpan akaun-akaun atau rekod-rekod yang sepatutnya, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelengahan dalam membuat pembayaran, Lembaga boleh mengenakan surcaj terhadap orang tersebut sesuatu jumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pertubuhan,

(2) Lembaga hendaklah menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pengarah hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaj itu.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan telah diterima atau jika selainnya ternyata bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang penarikan balik tersebut.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Pertubuhan oleh orang yang terhadapnya surcaj itu dikenakan dan boleh didakwa dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah secara guaman oleh Pertubuhan dan boleh juga didapatkan kembali melalui potongan—

(a) daripada gaji orang yang disurcaj tersebut jika Lembaga mengarahkan sedemikian; atau

- (b) daripada pencen orang yang disurcaj tersebut jika Lembaga mengarahkan sedemikian,

secara ansuran bulanan yang setara yang tidak melebihi satu-perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan orang tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

Penubuhan
Lembaga
Kenaikan
Pangkat

59v. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan dengan setiap kategori pegawai dan pengkhidmat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kesepuluh, yang terdiri daripada anggota-anggota yang dinyatakan dalam ruangan kedua Jadual yang sama.

(2) Lembaga Kenaikan Pangkat yang relevan hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya dalam semua perkara yang berhubungan dengan kenaikan pangkat berkenaan dengan semua pegawai dan pengkhidmat Pertubuhan dalam kategori yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kesepuluh.

Penubuhan
Lembaga
Rayuan
Kenaikan
Pangkat.

59w. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat berkenaan dengan setiap kategori pegawai dan pengkhidmat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kesepuluh yang terdiri daripada anggota-anggota yang dinyatakan dalam ruangan ketiga Jadual yang sama.

(2) Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat hendaklah mempunyai bidang kuasa dan hendaklah menjalankan fungsi-fungsinya berkenaan dengan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat berhubungan dengan seseorang pegawai atau pengkhidmat yang ke atasnya Lembaga Kenaikan Pangkat mempunyai bidang kuasa.

(3) Mana-mana pegawai atau pengkhidmat, yang layak untuk kenaikan pangkat, atau untuk pemangkuan sesuatu jawatan bagi maksud kenaikan pangkat, yang terkilang dengan keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan, boleh merayu kepada Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat yang relevan.

(4) Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat, selepas mempertimbangkan rayuan itu, boleh mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan, dan keputusan pertimbangan semula itu hendaklah disampaikan dengan sewajarnya kepada Lembaga Kenaikan Pangkat untuk membolehkannya mencapai suatu keputusan.

(5) Lembaga Kenaikan Pangkat boleh mengubah tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat dan susunan kekananan pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat yang berkenaan tetapi tanpa menjejaskan kenaikan pangkat *per se* pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat yang berjaya itu.

(6) Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat adalah muktamad."

27. Akta ini adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 68 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 68.

"Kumpulan Wang Keselamatan Sosial. 68. Maka hendaklah ditubuhkan di bawah Akta ini Kumpulan Wang Keselamatan Sosial yang ke dalamnya hendaklah dibayar—

- (a) caruman-caruman yang kena dibayar oleh atau berkenaan dengan orang-orang berinsurans;
- (b) sewa, bunga, dividen atau apa-apa pendapatan lain yang terbit daripada aset Pertubuhan;

- (c) jumlah wang yang terakru dengan sepatutnya kepada Kumpulan Wang di bawah Akta ini, termasuk bayaran balik faedah;
- (d) jumlah wang yang didapatkan di bawah Akta ini sebagai fee, kos, caj dan apa-apa bunga atas tunggakan caruman;
- (e) jumlah wang melalui pemberian, derma dan hadiah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana individu atau pertubuhan, sama ada diperbadankan atau tidak, bagi semua atau apa-apa maksud Akta ini;
- (f) jumlah wang yang dipindahkan daripada kumpulan-kumpulan wang yang ditubuhkan sebelum ini di bawah Akta ini; dan
- (g) apa-apa wang lain yang kena dibayar kepada Pertubuhan."

Penggantian
seksyen 69.

28. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 69 dengan yang berikut:

"Pentadbiran
Kumpulan
Wang. 69. (1) Kumpulan Wang Keselamatan Sosial hendaklah dipegang dan ditadbirkan oleh Pertubuhan bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Semua wang yang terakru atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang tersebut hendaklah dibayar ke dalam mana-mana bank sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa Lembaga boleh membenarkan pejabat-pejabat pos juga menerima, bagi pihak Pertubuhan, semua wang yang terakru atau kena dibayar kepada Kumpulan Wang yang disebutkan dalam seksyen 68 tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam peraturan-peraturan."

29. Seksyen 71 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kumpulan-wang Penchen Hat Keselamatan Sosial dan Kumpulan-wang Benchana Kerja Keselamatan Sosial" dengan perkataan-perkataan "Kumpulan Wang Keselamatan Sosial".

Pindaan seksyen 71.

30. Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda —

Pindaan seksyen 72.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kumpulanwang Pencen Hat atau Kumpulan-wang Bencana Kerja atau kedua-duanya" dengan perkataan-perkataan "Kumpulan Wang Keselamatan Sosial"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "kumpulanwang faedah bagi pegawai-pegawai" dalam perenggan (a) dengan perkataan-perkataan "kumpulan wang faedah, kebajikan dan rekreasi pegawai-pegawai".

31. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 72, seksyen baru 72A yang berikut:

Seksyen baru 72A.

"Pengeluaran dan pada Kumpulan Wang bagi pinjaman-pinjaman. 72A. Walau apa pun seksyen 71, Pertubuhan boleh membenarkan pengeluaran apa-apa amaun daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial sebagaimana yang diperlukan bagi memberikan pinjaman kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Pertubuhan sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah kakitangan atau bagi maksud-maksud yang serupa dengan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi anggota-anggota dalam perkhidmatan awam."

32. Seksyen 75A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Pertubuhan" dalam perenggan (c) subseksyen (2), perkataan-perkataan "sebagai Timbalan Pengerusi".

Pindaan seksyen 75A.

Seksyen baru
75B.

33. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 75A, seksyen baru 75s yang berikut:

"Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi. 75B. (1) Jika bagi apa-apa tempoh Pengerusi Panel Pelaburan tidak ada di Malaysia atau menjadi tak upaya kerana sakit, atau kerana apa-apa sebab lain tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengerusi dalam tempoh itu.

(2) Jika jawatan Pengerusi menjadi kosong, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengerusi sehingga masa kekosongan itu diisi."

Pindaan
seksyen 83.

34. Seksyen 83 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen baru (6), (7) dan (8) yang berikut:

"(6) Menteri boleh menamakan seorang anggota silih ganti berkenaan dengan setiap anggota Lembaga yang dinamakan di bawah subseksyen (5) untuk menghadiri apa-apa presiding Lembaga bilamana anggota itu tidak dapat menghadiri presiding itu kerana sakit, tak berupaya atau kerana apa-apa sebab lain:

Dengan syarat bahawa penamaan itu dibuat oleh Menteri selepas berunding dengan pertubuhan-pertubuhan yang masing-masingnya mewakili majikan-majikan dan pekerja-pekerja sebagaimana yang difikirkannya patut.

(7) Apabila menghadiri presiding Lembaga, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi semua maksud disifatkan sebagai seorang anggota Lembaga.

(8) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu berhenti daripada menjadi anggota atau penamaannya terlebih dahulu ditarik balik, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia ialah anggota silih ganti tidak lagi menjadi anggota Lembaga."

35. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 93 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 93.

"Hukuman bagi maklumat palsu.

93. Jika mana-mana orang, bagi maksud menyebabkan apa-apa tambahan pembayaran atau faedah di bawah Akta ini, atau bagi maksud menyebabkan apa-apa pembayaran atau faedah dibuat jika pembayaran atau faedah itu tidak dibenarkan oleh atau di bawah Akta ini, atau bagi maksud mengelakkan apa-apa pembayaran daripada dibuat olehnya sendiri di bawah Akta ini, atau membolehkan mana-mana orang lain mengelakkan apa-apa pembayaran sedemikian—

- (a) membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pernyataan palsu atau representasi palsu; atau
- (b) membuat secara bertulis atau menandatangani apa-apa akuan, borang, laporan, perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa butir matan,

boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai enam bulan, atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau kedua-duanya."

36. Seksyen 95 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (2) yang berikut: Pindaan seksyen 95.

"(2) Pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah."

Penggantian
seksyen 96.

37. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 96 dengan yang berikut:

"Orang berinsurans tidak berhak mendapat lebih daripada satu faedah.

96. (1) Seseorang orang berinsurans tidak dibenarkan menerima, bagi tempoh yang sama dan berkenaan dengan hilang upaya yang sama, pencen ilat dan faedah hilang upaya kekal.

(2) Jika seseorang orang berinsurans berhak mendapat kedua-dua faedah, dia boleh memilih faedah yang akan diterimanya bagi tempoh itu."

Penggantian
seksyen 96A.

38. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 96A dengan yang berikut:

"Orang tanggungan tidak berhak mendapat pencen penakat dan faedah orang tanggungan.

96A. (1) Seseorang orang tanggungan tidak dibenarkan menerima, bagi tempoh yang sama dan berkenaan dengan orang berinsurans yang sama, pencen penakat dan faedah orang tanggungan.

(2) Jika orang tanggungan berhak kepada pencen penakat dan faedah orang tanggungan kedua-duanya, dia boleh memilih untuk menerima faedah yang kena dibayar pada kadar yang lebih tinggi."

Pindaan
seksyen 100.

39. Seksyen 100 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "pehak-berkuasa tempatan", perkataan-perkataan "atau pihak berkuasa berkanun".

Pindaan
seksyen 105.

40. Seksyen 105 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kumpulanwang Pencen Ilat dan Kumpulanwang Bencana Kerja" dalam perenggan (xxxii) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "Kumpulan Wang Keselamatan Sosial".

41. Seksyen 106A Akta ibu adalah dipinda—Pindaan
seksyen 106A.

- (a) dengan menggantikan hoktah yang terdapat di akhir proviso kedua dengan noktah bertindih; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja proviso kedua, proviso baru yang berikut:

"Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal apabila orang berinsurans yang menerima pencen ilat mati sebelum 1hb Februari 1986, amaun kadar bulanan pencen ilat bagi maksud-maksud pencen penakat di bawah seksyen 20A ialah amaun yang berhak diterima oleh orang berinsurans yang mati itu sekiranya dia masih hidup dalam bulan Januari 1986."

42. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 110, seksyen baru 111 dan 112 yang berikut:Seksyen baru
111 dan 112.

"Pertubuhan
berinsuran
dengan
orang
yang
diberikuasa.

111. (1) Dalam semua perkara mengenai faedah-faedah di bawah Akta ini, Pertubuhan boleh berurusan secara langsung dengan orang berinsurans atau orang-orang tanggungannya, atau seorang pegawai kesatuan sekerja berdaftar yang diberikuasa secara bertulis oleh orang berinsurans itu atau orang tanggungannya, atau seorang pengamal undang-undang yang mewakili orang berinsurans itu atau orang-orang tanggungannya.

(2) Pertubuhan boleh enggan melayani apa-apa representasi yang dibuat oleh mana-mana orang lain.

Faedah
bagi dua
kemalangan
atau lebih
yang ber-
turut-turut.

112. (1) Jika seseorang mengalami hilang upaya kekal akibat daripada dua kemalangan atau lebih yang berturut-turut, dia tidaklah pada tempoh yang sama berhak menerima faedah hilang upaya bagi hilang upaya kekal yang lebih daripada kadar harian bagi hilang upaya langsung yang kekal.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan untuk menyelaraskan faedah hilang upaya yang kena dibayar berkenaan dengan kemalangan yang berturut-turut atau syarat-syarat bagi penerimaan faedah itu dalam mana-mana hal jika faedah hilang upaya itu telah digantikan dengan bayaran sekaligus."

Pindaan
Jadual
Pertama.

43. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam perenggan (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "satu ribu" di mana-mana jua ia terdapat dengan perkataan-perkataan "dua ribu";
- (ii) dengan menggantikan noktah di akhir proviso dengan noktah bertindih; dan
- (iii) dengan memasukkan, selepas sahaja proviso, proviso baru yang berikut:

"Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam mana-mana hal lain jika seseorang, yang gajinya melebihi dua ribu ringgit sebulan, dan majikannya memilih untuk membayar apa-apa caruman mengikut Akta ini maka orang itu hendaklah disifatkan sebagai seorang pekerja di bawah Akta ini."; dan

(b) dengan memotong perenggan (9), (10) dan (11).

Pindaan
Jadual
Ketiga.

44. Jadual Ketiga kepada Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Pertama, Kedua dan Ketiga" dalam perenggan 1 dengan perkataan-perkataan "Pertama dan Kedua";

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan 1, perenggan baru IA yang berikut:

"!A. Bagi maksud-maksud Jadual ini—

- (a) "Gaji bulanan" ertinya gaji yang kena dibayar kepada seseorang pekerja berkenaan dengan semua tempoh gaji yang berakhir dalam bulan itu; dan
- (b) "Tempoh gaji" ertinya tempoh yang berkenaan dengannya gaji yang patut diperolehi oleh seseorang pekerja adalah kena dibayar.";
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "Apabila gaji melebihi \$900" dalam butiran 14 dalam perenggan 2, perkataan-perkataan "tetapi tidak melebihi \$1000";
- (d) dengan memasukkan, selepas sahaja butiran 14 dalam perenggan 2, butiran baru 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23 dan 24 yang berikut:

"15.	Apabila gaji melebihi \$1,000 tetapi tidak melebihi \$1,100	\$18.35	\$5.25	\$23.60
16.	Apabila gaji melebihi \$1,100 tetapi tidak melebihi \$1,200	\$20.15	\$5.75	\$25.90
17.	Apabila gaji melebihi \$1,200 tetapi tidak melebihi \$1,300	\$21.85	\$6.25	\$28.10
18.	Apabila gaji melebihi \$1,300 tetapi tidak melebihi \$1,400	\$23.65	\$6.75	\$30.40
19.	Apabila gaji melebihi \$1,400 tetapi tidak melebihi \$1,500	\$25.35	\$7.25	\$32.60

20.	Apabila gaji melebihi \$1,500 tetapi tidak melebihi \$1,600	\$27.15	\$7.75	\$34.90
21.	Apabila gaji melebihi \$1,600 tetapi tidak melebihi \$1,700	\$28.85	\$8.25	\$37.10
22.	Apabila gaji melebihi \$1,700 tetapi tidak melebihi \$1,800	\$30.65	\$8.75	\$39.40
23.	Apabila gaji melebihi \$1,800 tetapi tidak melebihi \$1,900	\$32.35	\$9.25	\$41.60
24.	Apabila gaji melebihi \$1,900	\$34.15	\$9.75	\$43.90";

(e) dengan memotong perenggan 3;

(f) dengan menggantikan perkataan "Ketiga" dalam perenggan 4 dengan perkataan "Kedua";

(g) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "Apabila gaji melebihi \$900" dalam butiran 14 dalam perenggan 4, perkataan-perkataan "tetapi tidak melebihi \$1000"; dan

(h) dengan memasukkan, selepas sahaja butiran 14 dalam perenggan 4, butiran baru 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23 dan 24 yang berikut:

"15.	Apabila gaji melebihi \$1,000 tetapi tidak melebihi \$1,100	\$13.10
16.	Apabila gaji melebihi \$1,100 tetapi tidak melebihi \$1,200	\$14.40
17.	Apabila gaji melebihi \$1,200 tetapi tidak melebihi \$1,300	\$15.60

18. Apabila gaji melebihi \$1,300 tetapi tidak melebihi \$1,400	\$16.90
19. Apabila gaji melebihi \$1,400 tetapi tidak melebihi \$1,500	\$18.10
20. Apabila gaji melebihi \$1,500 tetapi tidak melebihi \$1,600	\$19.40
21. Apabila gaji melebihi \$1,600 tetapi tidak melebihi \$1,700	\$20.60
22. Apabila gaji melebihi \$1,700 tetapi tidak melebihi \$1,800	\$21.90
23. Apabila gaji melebihi \$1,800 tetapi tidak melebihi \$1,900	\$23.10
24. Apabila gaji melebihi \$1,900	\$24.40".

45. Jadual Keempat kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual
Keempat.

- (a) dengan menggantikan perkataan "Ketiga" di mana-mana jua ia terdapat di dalamnya dengan perkataan "Kedua";
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "Apabila gaji melebihi \$900" dalam butiran 14 dalam perenggan 4, perkataan-perkataan "tetapi tidak melebihi \$1000"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja butiran 14 dalam perenggan 4, butiran-butiran baru 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23 dan 24 yang berikut:

"15. Apabila gaji melebihi \$1,000 tetapi tidak melebihi \$1,100	\$23.60	\$13.10	\$1,050
--	---------	---------	---------

16. Apabila gaji melebihi \$1,100 tetapi tidak melebihi \$1,200	\$25.90	\$14.40	\$1,150
17. Apabila gaji melebihi \$1,200 tetapi tidak melebihi \$1,300	\$28.10	\$15.60	\$1,250
18. Apabila gaji melebihi \$1,300 tetapi tidak melebihi \$1,400	\$30.40	\$16.90	\$1,350
19. Apabila gaji melebihi \$1,400 tetapi tidak melebihi \$1,500	\$32.60	\$18.10	\$1,450
20. Apabila gaji melebihi \$1,500 tetapi tidak melebihi \$1,600	\$34.90	\$19.40	\$1,550
21. Apabila gaji melebihi \$1,600 tetapi tidak melebihi \$1,700	\$37.10	\$20.60	\$1,650
22. Apabila gaji melebihi \$1,700 tetapi tidak melebihi \$1,800	\$39.40	\$21.90	\$1,750
23. Apabila gaji melebihi \$1,800 tetapi tidak melebihi \$1,900	\$41.60	\$23.10	\$1,850
24. Apabila gaji melebihi \$1,900	\$43.90	\$24.40	\$1,950".

Pindaan
Jadual
Ketujuh.

46. Jadual Ketujuh kepada Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan 1—

- (a) dengan memotong subperenggan (f) dan (j); dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "; dan" yang terdapat di akhir subperenggan (i) dengan noktah.

47. Jadual Kelapan kepada Akta ibu adalah dipinda — Pindaan
Jadual
Kelapan.
- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga puluh enam" dalam perenggan 2 dan subperenggan 1 perenggan 4 dengan perkataan-perkataan "dua puluh empat"; dan
- (b) dengan menggantikan proviso kepada subperenggan (1) perenggan 4 dengan yang berikut:

"Dengan syarat bahawa gaji bulanan purata minimum ialah tiga ratus empat puluh dua ringgit dan Japan puluh enam sen tertakluk kepada apa-apa amaun yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan.",

48. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Jadual Kesembilan, Jadual baru Kesepuluh yang berikut: Jadual
baru
Kesepuluh.

"JADUAL KESEPULUH

KEANGGOTAAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT DAN LEMBAGA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

(Seksyen 59v dan 59w)

<i>Kategori Pegawai</i>	<i>Lembaga Kenaikan Pangkat</i>	<i>Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat</i>
1. Perkhidmatan dalam Kumpulan "A"	Tiga orang anggota Lembaga termasuk Ketua Pengarah, salah seorang daripadanya dilantik oleh Lembaga menjadi Pengerusi	Pengerusi Lembaga <i>Pengerusi</i> Anggoia-anggota Lembaga <i>Anggota-anggota</i>
2. Perkhidmatan dalam Kumpulan "B" & "C"	Keiua Pengarah atau wakilnya <i>Pengerusi</i> Ketua Bahagian atau Cawangan Pertubuhan yang dilantik oleh Ketua Pengarah <i>Anggota</i> Ketua Penolong Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi buruh dan dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang sama <i>Anggota</i>	Pengerusi Jawatankuasa Perjawatan ... <i>Pengerusi</i> Anggota-anggota Jawalankuasa Perjawatan <i>Anggota-anggota</i>

3. Perkhidmatan dalam Kurapulan "D"	Ketua Pengarah atau wakilnya <i>Pengerusi</i>	Pengerusi Jawatankuasa Perjawatan ... <i>Pengerusi</i>
	Dua orang pegawai dalam Kumpulan "A" yang dilantik oleh Ketua Pengarah <i>Anggota-anggota</i>	Anggota-anggota Jawatankuasa Perjawatan <i>Anggota-anggota</i> ".

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda tajuk panjang Akta untuk mengadakan peruntukan bagi suatu bidang yang lebih luas bagi skim keselamatan sosial.
3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan suatu takrif baru bagi "orang tanggungan" dan untuk mentakrifkan perkataan "Kumpulan Wang".
4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 3 Akta untuk meluaskan perlindungan skim keselamatan sosial kepada perindustrian-perindustrian yang mempunyai seorang pekerja atau lebih. Pada masa sekarang skim keselamatan sosial hanya meliputi semua perindustrian yang mengambil kerja lima orang atau lebih.
5. *Fasal 5* adalah mengenai pindaan berbangkit.
6. *Fasal 6(a)* bertujuan meminda seksyen 9A Akta dengan memotong perkataan "yang kena diinsurans" yang terdapat selepas perkataan "pekerja-pekerja" dan "pekerjaan". Ini dilakukan bagi maksud memastikan keselarasan dalam penggunaan istilah dalam keseluruhan Akta. *Fasal 6(b)* bertujuan menerangkan kedudukan di antara proviso kepada seksyen 9A dengan proviso kepada subseksyen (2) seksyen 7 berkenaan dengan hal mendapatkan tunggakan caruman oleh majikan melalui potongan gaji pekerja.
7. *Fasal 7* bertujuan memasukkan seksyen baru 9B ke dalam Akta. Seksyen 9s ialah peruntukan pengesahan untuk menjadikan sah di sisi undang-undang dan untuk mengesahkan apa-apa caruman yang telah dipungut oleh Pertubuhan bagi mana-mana pekerja yang tidak didaftarkan bagi maksud-maksud insurans di bawah Akta bagi apa-apa tempoh sebelum 1hb Julai 1987, iaitu tarikh mula berkuatkuasanya seksyen 9A yang sedia ada.
8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 12 Akta untuk meluaskan bidang kuasa pemeriksa-pemeriksa yang dilantik di bawah Akta.

9. *Fasal 9* mengadakan peruntukan supaya apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 13 disampaikan sama ada sendiri atau melalui pos berdaftar.

10. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 15 dengan memotong perkataan-perkataan yang sekarang ini difikirkan tidak perlu.

11. *Fasal 11* dan *12* bertujuan meminda seksyen 17 dan 17 A Akta masing-masingnya untuk mengurangkan tempoh kelayakan bagi pencen ilat daripada tiga puluh enam bulan kepada dua puluh empat bulan untuk membolehkan lebih ramai lagi orang berinsurans dilindungi di bawah skim pencen ilat.

12. *Fasal 13* bertujuan meminda Akta dengan memotong seksyen 18. Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya akan digabungkan ke dalam seksyen 19 baru.

13. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 19 Akta bagi membuat peruntukan supaya pembayaran pencen ilat terakru mulai dari hari orang berinsurans memberikan notis keilatan dan terhenti pada hari selepas hari keilatan terhenti atau pada hari pesara itu mati. *Fasal 14* juga bertujuan mengadakan suatu kaedah baru meihitung pembayaran pencen ilat dengan membahagikan kadar bulanan pencen ilat yang dibayar atau kena dibayar dengan bilangan hari dalam bulan pencen itu terakru atau keilatan itu terhenti atau pesara itu mati.

14. *Fasal 15(a)* dan *(b)* adalah pindaan berbangkit. *Fasal 15(b) (ii)* bertujuan memasukkan suatu proviso baru bagi seksyen 20 Akta bagi memperuntukkan secara khusus bahawa gaji bulanan purata minimum bagi pencen ilat ialah tiga ratus empat puluh dua ringgit dan lapan puluh enam sen tertakluk kepada apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan.

15. *Fasal 16* dan *18* bertujuan meminda seksyen 20A dan 26 Akta masing-masingnya untuk membolehkan seseorang ibu yang menjadi balu, selaku orang tanggungan sekunder di bawah Akta, berhak mendapat faedah-faedah orang tanggungan.

16. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 24 dengan memasukkan suatu peruntukan baru untuk melindungi apa-apa kemalangan yang dialami oleh orang berinsurans semasa dalam perjalanan yang dibuat bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam seksyen yang sama.

17. *Fasal 19* ialah pindaan berbangkit.

18. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 31 Akta bagi memperuntukkan bahawa orang berinsurans atau orang tanggungannya tidak dibenarkan menuntut apa-apa pampasan atau ganti rugi daripada majikan orang berinsurans atau daripada mana-mana pengkhidmat majikan itu di bawah mana-mana undang-

undang lain yang sedang berkuatkuasa berkenaan dengan apa-apa bencana kerja yang dialami sebagai pekerja di bawah Akta.

19. *Fasal 21* bertujuan memasukkan seksyen baru 33A untuk memberi Pertubuhan kuasa, menurut budi bicaranya, merujukkan sesuatu kes kepada lembaga perubatan bagi menentukan soal keilatan atau soal hilang upaya dalam hal keadaan apabila orang berinsurans, selepas mengemukakan notisnya mengenai keilatan atau permohonannya bagi rujukan kepada lembaga perubatan, mati sebelum diperiksa oleh lembaga perubatan itu.

20. *Fasal 22* bertujuan meminda seksyen 57 Akta untuk membolehkan seseorang orang berinsurans yang perlu menjalani pemulihan dibayar ganti oleh Pertubuhan tidak kira sama ada dia dihendaki pergi ke luar tempat kediamannya atau selainnya.

21. *Fasal 23* bertujuan membuat suatu pindaan teknik yang perlu.

22. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 59N Akta bagi menyatakan kuasa-kuasa Ketua Pengarah mengenai perkara-perkara perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Pertubuhan. Ini adalah perlu memandangkan penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat di bawah Akta,

23. *Fasal 26* bertujuan memasukkan seksyen baru 59Q, 59R, 59s, 59T 59u, 59v dan 59w. Seksyen 59Q, 59R dan 59T mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Jawatankuasa Tata tertib dan peruntukan-peruntukan lain berhubungan dengan perkara-perkara tata tertib. Seksyen 59s mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Rayuan Tata tertib. Seksyen 59u memasukkan peruntukan mengenai surcaj. Seksyen 59v dan 59w masing-masingnya mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat, dan fungsi-fungsi dan bidang kuasa Lembaga yang relevan.

24. *Fasal 27* bertujuan meminda seksyen 68 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penggabungan kumpulan wang Pertubuhan yang sedia ada. Penggabungan ini adalah perlu untuk memastikan kelenturan dalam perbelanjaan dan dalam pengurusan Kumpulan Wang.

25. *Fasal 24, 28 dan 29* ialah pindaan-pindaan berbangkit yang diperlukan akibat penggabungan kumpulan wang Pertubuhan.

26. *Fasal 30* bertujuan meminda seksyen 72 Akta untuk menjadikan sah bagi Kumpulan Wang Pertubuhan dibelanjakan bagi maksud-maksud kebajikan dan rekreasi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Pertubuhan.

27. *Fasal 31* bertujuan memasukkan seksyen baru 72A untuk membolehkan Kumpulan Wang Pertubuhan dibelanjakan bagi maksud memberikan pinjaman kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Pertubuhan.

28. *Fasal 32* bertujuan meminda seksyen 75A Akta untuk membolehkan Ketua Pengarah bertindak sebagai Timbalan Pengerusi Panel Pelaburan.

29. *Fasal 33* bertujuan memasukkan seksyen baru 75e yang memperuntukkan bahawa jika Pengerusi Panel Pelaburan tidak hadir kerana sakit atau kerana apa-apa sebab lain. Panel Pelaburan akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah sebagai Timbalan Pengerusi. Ini akan membolehkan Panel Pelaburan berfungsi walaupun Pengerusi tidak hadir.

30. *Fasal 34* bertujuan meminda seksyen 83 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (6), (7) dan (8) untuk memberi Menteri kuasa untuk menamakan seorang anggota silih ganti bagi setiap anggota Lembaga Rayuan Keselamatan Sosial bilamana anggota itu tidak dapat menghadiri presiding Lembaga Rayuan kerana sakit atau kerana apa-apa sebab lain. Ini akan memastikan bahawa presiding Lembaga Rayuan dapat diteruskan walaupun anggota itu tidak hadir.

31. *Fasal 35* bertujuan meminda seksyen 93 Akta untuk menjadikannya suatu kesalahan jika mana-mana orang membuat secara bertulis atau menandatangani apa-apa perisytiharan, atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki di bawah Akta, yang tidak betul atau tidak benar dalam apa-apa butir matan.

32. *Fasal 36* bertujuan meminda seksyen 95 Akta untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk memberikuasa pegawai-pegawai Pertubuhan menjalankan pendakwaan di bawah Akta.

33. *Fasal 37* bertujuan meminda seksyen 96 Akta dengan memotong seksyen 96(l)(b) yang sedia ada. Ini akan membolehkan orang berinsurans yang berhak mendapat faedah-faedah di bawah Akta diberi pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 jika hilang upaya orang berinsurans itu disebabkan oleh bencana kerja yang dialami sebagai pekerja.

34. *Fasal 38* bertujuan meminda seksyen 96A Akta untuk membolehkan orang tanggungan yang berhak mendapat faedah-faedah di bawah Akta diberi pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 jika kematian orang berinsurans disebabkan oleh bencana kerja yang dialami sebagai pekerja.

35. *Fasal 39* bertujuan meminda seksyen 100 Akta untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana perindustrian atau golongan perindustrian kepunyaan mana-mana badan berkanun daripada kuatkuasa Akta.

36. *Fasal 40* bertujuan membuat pindaan berbangkit kepada seksyen 105 Akta. Ini adalah perlu akibat penggabungan kumpulan wang Pertubuhan.

37. *Fasal 41* bertujuan memasukkan suatu proviso baru bagi seksyen 106A Akta untuk menetapkan amaun kadar bulanan bagi pencen ilat yang hendaklah dibayar kepada orang tanggungan jika pesara pencen ilat mati sebelum 1hb Februari 1986.

38. *Fasal 42* bertujuan memasukkan seksyen baru 111 dan 112. Seksyen 111 memberikan kuasa kepada Pertubuhan untuk berurusan secara langsung dengan orang berinsurans atau orang tanggungannya atau mana-mana orang yang diberikuasa sahaja. Ini adalah untuk menghalang mana-mana orang lain membuat apa-apa tuntutan bagi pihak orang berinsurans atau orang tanggungannya untuk kepentingan diri orang itu. Seksyen 112 tidak membenarkan seseorang yang mengalami hilang upaya kekal akibat dua kemalangan atau lebih yang berturut-turut menerima, dalam tempoh yang sama, faedah hilang upaya bagi hilang upaya kekal yang lebih daripada kadar harian hilang upaya kekal.

39. *Fasal 43* bertujuan meminda perenggan (1) Jadual Pertama. Di bawah peruntukan yang sedia ada, Akta melindungi mana-mana orang yang gajinya tidak melebihi satu ribu ringgit sebulan. Dengan pindaan ini liputan Akta ditambah untuk melindungi semua orang yang berpendapatan sehingga dua ribu ringgit sebulan. Suatu proviso baru dimasukkan untuk membolehkan mana-mana orang, yang gajinya melebihi dua ribu ringgit sebulan, dan majikannya memilih, secara sukarela, untuk membuat caruman di bawah Akta ini. Dalam hal yang sedemikian orang itu disifatkan sebagai seorang pekerja di bawah Akta ini.

Fasal 43 juga bertujuan memotong perenggan (9), (10) dan (11) Jadual yang sama. Ini dilakukan untuk memasukkan di bawah skim keselamatan sosial semua orang asli nomad, orang-orang yang diambil kerja untuk menangkap ikan di perairan maritim atau diambil kerja di atas mana-mana vesel yang digunakan bagi maksud itu, dan semua pekerja pertanian yang diambil kerja bagi maksud menanam, memelihara dan menuai padi.

40. *Fasal 44, 45, 46, 47 dan 48* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1636.]